
25 HADIS SAHIH

KELEBIHAN AL-QURAN



HUSNUL FIKRI AHMAD

HAK CIPTA TERPELIHARA OLEH



تراق حاديس
Teratak**Hadits**

Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian artikel atau bertujuan komersial dalam apa jua bentuk tanpa keizinan penerbit. Sebaran naskah ini adalah untuk tujuan manfaat semua.

@2023 Teratak Hadits

Edisi Pertama
Jun 2023

**KLIK UNTUK
HUBUNGI KAMI**



KLIK UNTUK MENYUMBANG



KANDUNGAN

Keunikan al-Quran

01	Al-Quran Adalah Penghubung Antara Kita Dengan Allah Yang Tidak Akan Menyesatkan Kita	2
02	Al-Quran Boleh Dibaca Dengan Tujuh Dialek (Qira'at)	3
03	Al-Quran Boleh Dijadikan Mahar	4
04	Boleh Bertawassul Dengan Al-Quran	6
05	Al-Quran Boleh Mengangkat Darjat Seseorang	7
06	Al-Quran Adalah Sebab Beroleh Rahmat Di Langit Dan Kemuliaan Di Dunia	9

Kelebihan Mempelajari Al-Quran

07	Sebaik-Baik Muslim Adalah Orang Yang Mempelajari Dan Mengajar Al-Quran	11
08	Yang Mempelajari Dan Mengajar Al-Quran Adalah Insan Istimewa Yang Terpilih	12
09	Orang Yang Mempelajari Al-Quran Tetapi Belum Mampu Mengamalkan Seluruh Isi Kandungannya Umpama Wangian Di Dalam Bekas Yang Tertutup	13

Kelebihan Membaca Al-Quran

10	Diberikan 10 Pahala Bagi Setiap Satu Huruf Al-Quran Yang Dibaca	17
11	Satu Ayat Al-Quran Lebih Baik Daripada Seekor Unta Yang Gemuk	18
12	Satu Ayat Al-Quran Lebih Berharga Daripada Seekor Unta Bunting Yang Gemuk	20
13	Pembaca Al-Quran Umpama Buah Yang Harum	21
14	Allah Menerima Bacaan Al-Quran Yang Belum Menepati Hukum Tajwid Asalkan Terus Memperbaiki Kelemahan Diri	23
15	Pembaca Al-Quran Yang Mahir Dan Tidak Mahir Mempunyai Kelebihan Tersendiri	25
16	Malaikat Suka Mendengar Bacaan Al-Quran Dari Suara Yang Merdu	26
17	Al-Quran Mengundang Ketenangan Dari Langit	30

Kelebihan Ahlul Quran Di Dunia

18	Ahlul Quran Wajar Dicemburui	32
19	Ahlul Quran Adalah Wali Allah	34
20	Kemuliaan Ahlul Quran Termasuk Dalam Tanda-Tanda Keagungan Allah	35

Kelebihan Al-Quran Dan Ahlinya Pada Hari Qiyamat

21	Al-Quran Menjadi Saksi Kepada Ahlinya Pada Hari Qiyamat	38
22	Al-Quran Akan Membela Ahlul Quran	39
23	Al-Quran Memohon Syafa'at Buat Ahlul Quran	41
24	Al-Quran Akan Memohon Kebaikan Buat Ahlul Quran Pada Hari Qiyamat	43
25	Ahlul Quran Akan Menentukan Sendiri Kedudukannya Di Syurga Mengikut Kadar Bacaannya	45

KEUNIKAN
al-Quran



HADIS Q1

AL-QURAN ADALAH PENGHUBUNG ANTARA KITA DENGAN ALLAH YANG TIDAK AKAN MENYESATKAN KITA

Rasulullah s.a.w. bersabda:

فَإِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ سَبَبٌ طَرَفُهُ بِيَدِ اللَّهِ، وَطَرَفُهُ بِأَيْدِيكُمْ، فَتَمَسَّكُوا بِهِ، فَإِنَّكُمْ لَنْ تَضِلُّوا، وَلَنْ تَهْلِكُوا بَعْدَهُ أَبَدًا.

Maksudnya: ***“Sesungguhnya al-Quran ini adalah tali yang mana salah satu hujungnya berada pada tangan Allah dan salah satu hujung lagi berada pada tangan-tangan kalian. Maka, hendaklah kalian berpegang teguh dengannya kerana sesungguhnya selepas itu¹, kalian tidak akan lagi tersesat mahupun binasa selama-lamanya.”***

SAHIH IBN HIBBAN (122)²

¹ Selepas berpegang teguh dengan al-Quran.

² Hadis ini dinilai sebagai Sahih oleh asy-Syaikh al-Albani di dalam Sahih at-Targhib (38) dan Hasan oleh asy-Syaikh al-Wadi’i di dalam as-Sahih al-Musnad (1231)..

HADIS Q2

AL-QURAN BOLEH DIBACA DENGAN TUJUH DIALEK (QIRA'AT)

Rasulullah s.a.w. bersabda:

أَقْرَأَنِي جِبْرِيلُ عَلَى حَرْفٍ فَرَاغَعْتُهُ، فَلَمْ أَزَلْ أَسْتَزِيدُهُ وَيَزِيدُنِي حَتَّى
انْتَهَى إِلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ.

Maksudnya: ***“Jibril telah membacakan al-Quran kepadaku dengan satu dialek. Maka, aku sentiasa meminta tambahan daripadanya dan dia pun memberikan tambahan kepadaku sehinggalah akhirnya ia menjadi tujuh dialek (bacaan al-Quran).”***

SAHIH AL-BUKHARI (4991)

HADIS 03

AL-QURAN BOLEH DIJADIKAN MAHAR

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ، قَالَ: أَتَتِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ امْرَأَةٌ فَقَالَتْ إِنَّهَا قَدْ وَهَبَتْ نَفْسَهَا لِلَّهِ وَلِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَقَالَ: مَا لِي فِي النِّسَاءِ مِنْ حَاجَةٍ. فَقَالَ رَجُلٌ: زَوَّجْنِيهَا. قَالَ: أَعْطِيهَا ثَوْبًا. قَالَ: لَا أَجِدُ. قَالَ: أَعْطِيهَا وَلَوْ خَاتَمًا مِنْ حَدِيدٍ. فَاعْتَلَّ لَهُ. فَقَالَ: مَا مَعَكَ مِنَ الْقُرْآنِ. قَالَ: كَذَا وَكَذَا. قَالَ: فَقَدْ زَوَّجْتُكَهَا بِمَا مَعَكَ مِنَ الْقُرْآنِ.

Maksudnya: Daripada Sahl bin Sa'd, beliau berkata, *“Seorang wanita telah mendatangi Nabi s.a.w. seraya berkata bahawa sesungguhnya dia menawarkan dirinya kepada Allah dan Rasulullah s.a.w. Maka, baginda bersabda, ‘Aku tidak mempunyai sebarang hajat kepada wanita ini.’*

Tiba-tiba, seorang lelaki berkata, ‘Kahwinkanlah aku dengannya.’ Baginda pun bersabda, ‘Berikanlah kepada wanita itu pakaian (sebagai hantaran).’ Lelaki itu menjawab, ‘Aku tidak

mempunyai (pakaian yang boleh diberikan kepadanya).’

Baginda bersabda lagi, ‘Berikanlah kepada wanita itu walaupun sebetuk cincin besi.’ Tetapi, lelaki itu tetap meminta keuzuran kepada baginda (atas ketidak mampuan dirinya).

Maka, baginda pun bertanya, ‘Adakah terdapat sebarang ayat al-Quran yang engkau hafal?’ Lelaki itu menjawab, ‘Aku menghafal ayat itu dan ini.’

Baginda pun bersabda, ‘Maka, sesungguhnya, telah aku nikahkan kalian berdua dengan apa yang engkau telah hafal daripada al-Quran.’”

SAHIH AL-BUKHARI (5029)

HADIS Q4

BOLEH BERTAWASSUL DENGAN AL-QURAN

Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ فَلَيْسَ أَلِ اللَّهِ بِهِ فَإِنَّهُ سَيَجِيءُ أَقْوَامٌ يَقْرءُونَ الْقُرْآنَ
يَسْأَلُونَ بِهِ النَّاسَ.

Maksudnya: ***“Barangsiapa yang membaca al-Quran, mohonlah kepada Allah (sesuatu) dengannya,³ kerana sesungguhnya akan datang beberapa kaum yang membaca al-Quran lalu mereka meminta (balasan) daripada manusia dengan bacaan mereka itu.”***

JAMI' AT-TIRMIZI (2917)⁴

³ Kita dianjurkan untuk bertawassul dengan sebarang amal soleh seperti membaca al-Quran. Maka, Sunnah untuk kita berdoa memohon sebarang kebaikan daripada Allah selepas melakukan sebarang amal soleh, seperti berkata, ***“Ya Allah, jika Engkau terima bacaan al-Quranku tadi, Engkau ampunkanlah dosa-dosaku.”***

HADIS Q5

AL-QURAN BOLEH MENGGANGKAT DARJAT SESEORANG

عَنْ عَامِرِ بْنِ وَائِلَةَ، أَنَّ نَافِعَ بْنَ عَبْدِ الْحَارِثِ، لَقِيَ عُمَرَ بِعُسْفَانَ وَكَانَ عُمَرُ يَسْتَعْمِلُهُ عَلَى مَكَّةَ فَقَالَ مَنْ اسْتَعْمَلْتَ عَلَى أَهْلِ الْوَادِي فَقَالَ ابْنُ أَبِي بَرْزَى. قَالَ وَمَنْ ابْنُ أَبِي بَرْزَى قَالَ مَوْلَى مِنْ مَوَالِينَا. قَالَ فَاسْتَخْلَفْتَ عَلَيْهِمْ مَوْلَى قَالَ إِنَّهُ قَارِئٌ لِكِتَابِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ وَإِنَّهُ عَالِمٌ بِالْفَرَائِضِ. قَالَ عُمَرُ أَمَا إِنَّ نَبِيَّكُمْ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدْ قَالَ: إِنَّ اللَّهَ يَرْفَعُ بِهَذَا الْكِتَابِ أَقْوَامًا وَيَضَعُ بِهِ الْآخَرِينَ.

Maksudnya: Daripada ‘Amir bin Watsilah, bahawasanya Nafi’ bin ‘Abdul Harits telah bertemu dengan ‘Umar di ‘Usfan. Ketika itu, ‘Umar telah menghantarnya untuk bertugas di Makkah. Maka, ‘Umar bertanya kepadanya, “Siapakah yang telah engkau lantik sebagai

⁴ Selepas meriwayatkan hadis ini, al-Imam at-Tirmizi berkata, **“Hadis ini Hasan, tetapi isnadnya bukanlah begitu.”** Asy-Syaikh al-Albani turut menilai hadis ini sebagai Hasan di dalam Sahih al-Jami’ (6467).

pemimpin penduduk Wadi?” Nafi’ menjawab, “Ibn Abza.”

‘Umar bertanya kembali, “Siapakah Ibn Abza?” Nafi’ menjawab, “Salah seorang daripada bekas hamba kami.”

‘Umar bertanya lagi, “Kenapa engkau tempatkan bekas hamba sebagai pemimpin mereka?” Nafi’ menjawab, “Sesungguhnya, dia adalah orang yang suka membaca al-Quran dan sesungguhnya dia menguasai ilmu fara’idh (ilmu pembahagian harta).”

‘Umar pun berkata, “Ketahuilah, sesungguhnya Nabi kalian s.a.w. pernah bersabda, ‘Sesungguhnya, Allah mengangkat beberapa kaum dengan kitab suci (al-Quran) ini dan Dia juga merendahkan kaum-kaum lain dengannya.’”

SAHIH MUSLIM (817)

HADIS Q6

AL-QURAN ADALAH SEBAB BEROLEH RAHMAT DI LANGIT DAN KEMULIAAN DI DUNIA

Rasulullah s.a.w. bersabda:

أَوْصِيكَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَإِنَّهُ رَأْسُ كُلِّ شَيْءٍ، وَعَلَيْكَ بِالْجِهَادِ، فَإِنَّهُ رَهْبَانِيَّةُ الْإِسْلَامِ، وَعَلَيْكَ بِذِكْرِ اللَّهِ، وَتِلَاوَةِ الْقُرْآنِ، فَإِنَّهُ رَوْحُكَ فِي السَّمَاءِ، وَذِكْرُكَ فِي الْأَرْضِ.

Maksudnya: ***“Aku berwasiat kepadamu supaya bertaqwa kepada Allah kerana sesungguhnya ia adalah pangkal segala urusan, dan hendaklah engkau berjihad kerana sesungguhnya ia adalah pendetaan dalam Islam, dan hendaklah engkau berzikir kepada Allah dan membaca al-Quran kerana sesungguhnya ia adalah sebab untuk engkau beroleh rahmat di langit (di sisi Allah) dan kemuliaan di atas muka bumi.”***

MUSNAD AHMAD (11563)⁵

⁵ Hadis ini dinilai sebagai Hasan oleh asy-Syaikh al-Albani di dalam Sahih al-Jami' (2543).

KELEBIHAN
MEMPELAJARI
al-Quran



HADIS Q7

SEBAIK-BAIK MUSLIM ADALAH ORANG YANG MEMPELAJARI DAN MENGAJAR AL-QURAN

Rasulullah s.a.w. bersabda:

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ.

Maksudnya: ***“Yang terbaik dalam kalangan kalian adalah orang yang mempelajari al-Quran lalu mengajarkannya (kepada orang lain).”***

SAHIH AL-BUKHARI (5027)

HADIS Q8

YANG MEMPELAJARI DAN MENGAJAR AL-QURAN ADALAH INSAN ISTIMEWA YANG TERPILIH

Rasulullah s.a.w. bersabda:

خِيَارُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

Maksudnya: ***“Insan istimewa yang terpilih dalam kalangan kalian adalah orang yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya (kepada orang lain).”***

SUNAN IBN MAJAH (213)⁶

⁶ Hadis ini dinilai sebagai Hasan Lighairih oleh asy-Syaikh al-Arna'uth di dalam Takhrij Musykil al-Atsar (5126) dan asy-Syaikh al-Albani di dalam as-Silsilah as-Sahihah (1172).

HADIS Q9

ORANG YANG MEMPELAJARI AL-QURAN TETAPI BELUM MAMPU MENGAMALKAN SELURUH ISI KANDUNGANNYA UMPAMA WANGIAN DI DALAM BEKAS YANG TERTUTUP

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: بَعَثَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْثًا وَهُمْ ذُو عَدَدٍ فَاسْتَفْرَأَهُمْ فَاسْتَفْرَأَ كُلَّ رَجُلٍ مِنْهُمْ مَا مَعَهُ مِنَ الْقُرْآنِ فَأَتَى عَلَى رَجُلٍ مِنْهُمْ مِنْ أَحَدِهِمْ سِنًّا فَقَالَ: مَا مَعَكَ يَا فُلَانُ. قَالَ: مَعِيَ كَذَا وَكَذَا وَسُورَةُ الْبَقَرَةِ. قَالَ: أَمَعَكَ سُورَةُ الْبَقَرَةِ. فَقَالَ: نَعَمْ. قَالَ: فَادْهَبْ فَأَنْتَ أَمِيرُهُمْ. فَقَالَ رَجُلٌ مِنْ أَشْرَافِهِمْ: وَاللَّهِ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا مَنَعَنِي أَنْ أَتَعَلَّمَ سُورَةَ الْبَقَرَةِ إِلَّا خَشْيَةَ أَلَّا أَقُومَ بِهَا. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: تَعَلَّمُوا الْقُرْآنَ فَأَقْرَأُوهُ وَأَقْرَأُوهُ فَإِنَّ مَثَلَ الْقُرْآنِ لِمَنْ تَعَلَّمَهُ فَقَرَأَهُ وَقَامَ بِهِ كَمَثَلِ جِرَابٍ مَحْشُوٍّ مِسْكًَا يَفُوحُ بِرِيحِهِ كُلُّ مَكَانٍ وَمَثَلُ مَنْ تَعَلَّمَهُ فَيَرْفُدُ وَهُوَ فِي جَوْفِهِ كَمَثَلِ جِرَابٍ وُكِيَ عَلَى مِسْكِ.

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah, katanya, "Rasulullah s.a.w. pernah mengutuskan segerombolan sahabat dalam sebuah ekspedisi. Lalu, baginda meminta supaya mereka membaca

al-Quran. Maka, setiap lelaki dalam kalangan mereka pun membaca ayat al-Quran yang mereka hafal.

*Lalu, datanglah seorang lelaki yang paling muda dalam kalangan mereka. Maka, baginda pun bertanya, **'Apakah yang engkau hafal wahai fulan?'** Lelaki itu menjawab, **'Aku menghafal beberapa ayat termasuklah Surah al-Baqarah.'***

*Baginda pun bertanya lagi, **'Engkau menghafal Surah al-Baqarah?'** Lelaki itu menjawab, **'Ya.'** Maka, baginda pun bersabda, **'Pergilah dan engkaulah yang menjadi ketua mereka (dalam ekspedisi ini).'***

*Lalu, seorang lelaki yang paling terkemuka dalam kalangan mereka berkata, **'Demi Allah wahai Rasulullah, tidak ada apa pun yang menghalangku daripada mempelajari (serta menghafal) Surah al-Baqarah melainkan kerana***

aku takut yang aku tidak mampu mengamalkannya.'

Maka, Rasulullah s.a.w. pun bersabda, 'Pelajarilah seluruh isi kandungan al-Quran dan bacalah ia kerana sesungguhnya perumpamaan bagi orang yang mempelajarinya lalu membacanya dan mengamalkannya adalah seperti kantung yang dipenuhi minyak wangi yang baunya semerbak di setiap tempat, dan perumpamaan bagi orang yang mempelajari al-Quran lalu dia tidur dalam keadaan al-Quran itu berada di dalam dadanya adalah seperti sebuah kantung terikat yang dipenuhi minyak wangi.'"

JAMI AT-TIRMIZI (2876)⁷

⁷ Selepas meriwayatkan hadis ini, al-Imam at-Tirmizi berkata, **"Ini adalah Hadis Hasan."**

KELEBIHAN
MEMBACA
al-Quran



HADIS 10

DIBERIKAN 10 PAHALA BAGI SETIAP SATU HURUF AL-QURAN YANG DIBACA

Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا لَا أَقُولُ الْم حَرْفٌ وَلَكِنْ أَلِفٌ حَرْفٌ وَلَا مٌ حَرْفٌ وَمِيمٌ حَرْفٌ.

Maksudnya: ***“Barangsiapa yang membaca satu huruf dariapda Kitab Allah (al-Quran), dia akan memperolehi satu kebaikan (pahala) dan satu kebaikan (pahala) itu akan digandakan sebanyak sepuluh kali.***

Aku tidak berkata, ‘Alif Lam Mim’ itu satu huruf. Tetapi, ‘Alif’ adalah satu huruf, ‘Lam’ adalah satu huruf, dan ‘Mim’ adalah satu huruf.”

JAMI’ AT-TIRMIZI (2910)⁸

⁸ Selepas meriwayatkan hadis ini, al-Imam at-Tirmizi berkata, ***“Ini adalah Hadis Hasan Sahih Gharib.”***

HADIS 11

SATU AYAT AL-QURAN LEBIH BAIK DARIPADA SEKOR UNTA YANG GEMUK

عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ، قَالَ خَرَجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَنَحْنُ فِي الصَّفَةِ فَقَالَ: أَيُّكُمْ يُحِبُّ أَنْ يَغْدُوَ كُلَّ يَوْمٍ إِلَى بُطْحَانَ أَوْ إِلَى الْعَقِيقِ فَيَأْتِي مِنْهُ بِنَاقَتَيْنِ كَوْمَاوَيْنِ فِي غَيْرِ إِثْمٍ وَلَا قَطْعِ رَحِمٍ. فَقُلْنَا: يَا رَسُولَ اللَّهِ نُحِبُّ ذَلِكَ. قَالَ: أَفَلَا يَغْدُو أَحَدُكُمْ إِلَى الْمَسْجِدِ فَيَعْلَمَ أَوْ يَقْرَأَ آيَتَيْنِ مِنْ كِتَابِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ خَيْرٌ لَهُ مِنْ نَاقَتَيْنِ وَثَلَاثٍ خَيْرٌ لَهُ مِنْ ثَلَاثٍ وَأَرْبَعٍ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَرْبَعٍ وَمِنْ أَعْدَادِهِنَّ مِنَ الْإِبِلِ.

Maksudnya: Daripada ‘Uqbah bin ‘Amir, katanya, *“Rasulullah s.a.w. telah keluar (daripada rumah baginda) sedang kami ketika itu berada di Suffah, lalu baginda bersabda, ‘Ada tak sesiapa dalam kalangan kalian yang suka keluar pada waktu pagi pada setiap hari menuju ke Buth’han atau ke ‘Aqiq, lalu dia pulang bersama-sama dengan dua ekor unta betina yang gemuk tanpa perlu melakukan sebarang dosa atau memutuskan*

talian persaudaraan?’ Kami menjawab, ‘Wahai Rasulullah, kami sukakan hal itu!’

Baginda pun bersabda, ‘Maka, ketahuilah bahawa perginya salah seorang daripada kalian ke masjid, lalu dia mempelajari atau membaca dua ayat al-Quran, yang demikian itu lebih baik untuknya berbanding dua ekor unta betina.

Demikianlah juga tiga ayat al-Quran (yang dipelajari atau dibacanya) lebih baik daripada tiga ekor unta, dan empat ayat al-Quran (yang dipelajari atau dibacanya) lebih baik daripada empat ekor unta, dan berapa banyak pun bilangan unta itu (demikian itulah juga perumpamaannya jika dibandingkan dengan bilangan ayat al-Quran yang dipelajari atau dibacanya).”

SAHIH MUSLIM (803)

HADIS 12

SATU AYAT AL-QURAN LEBIH BERTARAF DARI SEORANG UNTA BUNTING YANG GEMUK

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَيُّجِبُّ أَحَدُكُمْ إِذَا رَجَعَ إِلَى أَهْلِهِ أَنْ يَجِدَ فِيهِ ثَلَاثَ خَلْفَاتٍ عِظَامٍ سِمَانٍ. قُلْنَا: نَعَمْ. قَالَ: فَثَلَاثُ آيَاتٍ يَقْرَأُ بِهِنَّ أَحَدُكُمْ فِي صَلَاتِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ ثَلَاثِ خَلْفَاتٍ عِظَامٍ سِمَانٍ.

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah, katanya, Rasulullah s.a.w. bersabda, ***“Adakah setiap orang daripada kalian suka jika apabila dia pulang bertemu keluarganya nanti, dia dapati di sana ada tiga ekor unta bunting yang gemuk?”*** Kami berkata, ***“Ya.”***

Baginda pun bersabda, ***“Maka (ketahuilah bahawa) tiga ayat (al-Quran) yang dibaca oleh setiap seorang daripada kalian di dalam solatnya itu lebih baik daripada tiga ekor unta bunting yang gemuk.”***

SAHIH MUSLIM (802)

HADIS 13

PEMBACA AL-QURAN UMPAMA BUAH YANG HARUM

Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَثَلُ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَالْأُتْرُجَةِ طَعْمُهَا طَيِّبٌ وَرِيحُهَا طَيِّبٌ.
وَالَّذِي لَا يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَالتَّمْرَةِ طَعْمُهَا طَيِّبٌ وَلَا رِيحَ لَهَا. وَمَثَلُ
الْفَاجِرِ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ الرِّيحَانَةِ رِيحُهَا طَيِّبٌ وَطَعْمُهَا مُرٌّ.
وَمَثَلُ الْفَاجِرِ الَّذِي لَا يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ الْحَنْظَلَةِ طَعْمُهَا مُرٌّ وَلَا
رِيحَ لَهَا.

Maksudnya: ***“Perumpamaan bagi orang (beriman) yang membaca al-Quran adalah seperti buah utrujjah (sejenis buah sitrus); rasanya lezat dan baunya harum.***

(Perumpamaan) bagi orang (beriman) yang tidak membaca al-Quran pula adalah seperti buah kurma; rasanya lezat, tetapi ia tidak mempunyai bau.

Manakala perumpamaan bagi munafiq yang membaca al-Quran adalah seperti buah raihanah; baunya sedap, tetapi rasanya pahit.

Dan perumpamaan bagi munafiq yang tidak membaca al-Quran pula adalah seperti buah hanzholah; rasanya pahit dan ia tidak mempunyai sebarang bau.”

SAHIH AL-BUKHARI (5020)

HADIS 14

ALLAH MENERIMA BACAAN AL-QURAN YANG BELUM MENEPATI HUKUM TAJWID ASALKAN TERUS MEMPERBAIKI KELEMAHAN DIRI

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ خَرَجَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَنَحْنُ نَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَفِينَا الْأَعْرَابِيُّ وَالْأَعْجَمِيُّ فَقَالَ: اقْرءُوا فَكُلُّ حَسَنٌ وَسَيِّئٌ أَفْوَامٌ يُقِيمُونَهُ كَمَا يُقَامُ الْفِدْحُ يَتَعَجَّلُونَهُ وَلَا يَتَأَجَّلُونَهُ.

Maksudnya: Daripada Jabir bin ‘Abdullah, katanya, *“Rasulullah s.a.w. telah keluar menemui kami. Ketika itu, kami sedang membaca al-Quran dan dalam kalangan kami, ada orang ‘Arab Badwi⁹ dan orang A’jam.¹⁰ Lalu, baginda bersabda, **“Teruskanlah bacaan kalian. Sesungguhnya, bacaan kalian itu semuanya baik-baik belaka.***

⁹ ‘Arab pedalaman.

¹⁰ Bukan berbangsa ‘Arab.

Tetapi, kelak akan datang beberapa kaum yang bersungguh-sungguh membaca al-Quran dengan bacaan yang sangat tepat persis anak panah yang sangat lurus semata-mata kerana mengharapkan balasan segera (habuan dunia) tanpa mengharapkan balasan hari kemudian (Hari Akhirat).”

SUNAN ABI DAUD (830)¹¹

¹¹ Hadis ini dinilai sebagai Sahih oleh asy-Syaikh al-Albani di dalam Sahih Abi Daud (830) dan asy-Syaikh al-Wadi'i di dalam Sahih Dala'il an-Nubuwwah (588). Asy-Syaikh al-Arna'uth pula berkata, "Isnadnya Sahih" di dalam Takhrij Sunan Abi Daud (830).

HADIS 15

PEMBACA AL-QURAN YANG MAHIR DAN TIDAK MAHIR MEMPUNYAI KELEBIHAN TERSENDIRI

Rasulullah s.a.w. bersabda:

الْمَاهِرُ بِالْقُرْآنِ مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ الْبَرَّةِ وَالَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَيَتَتَعْتَعُ فِيهِ وَهُوَ عَلَيْهِ شَاقٌّ لَهُ أَجْرَانِ

Maksudnya: ***“Orang yang mahir membaca al-Quran, akan beroleh kedudukan bersama-sama dengan para Rasul yang mulia dan para Malaikat yang sentiasa taat kepada-Nya. Manakalah orang yang membaca al-Quran dalam keadaan tersangkut-sangkut (tidak lancar) iaitu dia berasa susah untuk membacanya, dia beroleh dua pahala¹².”***

SAHIH MUSLIM (798)

¹² iaitu pahala bacaan al-Quran dan pahala kesusahan yang perlu ditempuh untuk membacanya

HADIS 16

MALAIKAT SUKA MENDENGAR BACAAN AL-QURAN DARI SUARA YANG MERDU

عَنْ أُسَيْدِ بْنِ حُضَيْرٍ، قَالَ بَيْنَمَا هُوَ يَقْرَأُ مِنَ اللَّيْلِ سُورَةَ الْبَقَرَةِ وَفَرَسُهُ مَرْبُوطٌ عِنْدَهُ إِذْ جَالَتِ الْفَرَسُ فَسَكَتَ فَسَكَتَتْ فَفَرَأَ فَجَالَتِ الْفَرَسُ، فَجَالَتِ الْفَرَسُ، فَسَكَتَتْ وَسَكَتَتِ الْفَرَسُ ثُمَّ قَرَأَ فَجَالَتِ الْفَرَسُ، فَانْصَرَفَ وَكَانَ ابْنُهُ يَحْيَى قَرِيبًا مِنْهَا فَأَشْفَقَ أَنْ تُصِيبَهُ فَلَمَّا اجْتَرَّهُ رَفَعَ رَأْسَهُ إِلَى السَّمَاءِ حَتَّى مَا يَرَاهَا فَلَمَّا أَصْبَحَ حَدَّثَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: اقْرَأْ يَا ابْنَ حُضَيْرٍ اقْرَأْ يَا ابْنَ حُضَيْرٍ. قَالَ: فَأَشْفَقْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنْ تَطَأَ يَحْيَى وَكَانَ مِنْهَا قَرِيبًا فَرَفَعْتُ رَأْسِي فَانْصَرَفْتُ إِلَيْهِ فَرَفَعْتُ رَأْسِي إِلَى السَّمَاءِ فَإِذَا مِثْلُ الظَّلَّةِ فِيهَا أَمْثَالُ الْمَصَابِيحِ فَخَرَجْتُ حَتَّى لَا أَرَاهَا. قَالَ: وَتَدْرِي مَا ذَاكَ. قَالَ: لَا. قَالَ: تِلْكَ الْمَلَائِكَةُ دَنَّتْ لِصَوْتِكَ وَلَوْ قَرَأْتَ لِأَصْبَحْتَ يَنْظُرُ النَّاسُ إِلَيْهَا لَا تَتَوَارَى مِنْهُمْ.

Maksudnya: Daripada Usaid bin Hudhair, katanya, ketika dia sedang membaca Surah al-Baqarah pada satu malam dan kudanya terikat di sisinya, tiba-tibanya kudanya itu bergerak-gerak

dengan sangat kuat (seperti mahu melepaskan diri).

Maka, dia pun berhenti membaca al-Quran dan kudanya itu pun berhenti bergerak. Lalu, dia kembali membaca al-Quran dan kudanya itu kembali bergerak-gerak seperti tadi. Maka, dia pun berhenti membaca al-Quran dan kudanya itu pun berhenti bergerak. Lalu, dia kembali membaca al-Quran dan kudanya itu kembali bergerak-gerak seperti tadi.

Maka, dia pun berhenti membaca al-Quran, kerana anaknya, Yahya berada dekat dengan kudanya itu. Dia bimbang kalau kudanya itu terpijak anaknya. Setelah memindahkan anaknya dari tempat itu, beliau mendongak ke langit tetapi beliau tidak dapat melihatnya (kerana seolah-olah ada penghalang antara dirinya dengan langit).

Keesokan paginya, beliau menceritakan hal itu kepada Nabi s.a.w. Maka, baginda bersabda, ***“Bacalah wahai Ibn Hudhoir! Bacalah wahai Ibn Hudhoir!”*** Beliau berkata, ***“Aku bimbang wahai Rasulullah, kalau kudaku itu terpijak Yahya kerana dia berada sangat dekat dengan kuda itu. Maka, aku pun mengangkat kepalaku dan memberikan perhatianku kepada Yahya. Kemudian, aku mendongak ke langit. Tiba-tiba, (aku melihat adanya sesuatu) seperti awan yang padanya ada sesuatu seperti lampu-lampu, dan ia teruskan mengeluarkan cahayanya sehingga aku tidak dapat melihatnya.”***

Baginda bertanya, ***“Tahukah engkau apa yang engkau lihat itu?”*** Beliau menjawab, ***“Tidak.”*** Baginda bersabda, ***“Itulah para malaikat yang turun kerana suaramu. Kalau engkau terus membaca sehingga waktu pagi, orang ramai pun akan dapat melihatnya (kerana) para***

malaikat itu tidak akan bersembunyi daripada mereka.”

SAHIH AL-BUKHARI (5018)

HADIS 17

AL-QURAN MENGUNDANG KETENANGAN DARI LANGIT

عَنِ الْبَرَاءِ، قَالَ كَانَ رَجُلٌ يَقْرَأُ سُورَةَ الْكَهْفِ وَإِلَى جَانِبِهِ حِصَانٌ مَرْبُوطٌ بِسِطْرَيْنِ فَتَغَشَّتْهُ سَحَابَةٌ فَجَعَلَتْ تَدْنُو وَتَدْنُو وَجَعَلَ فَرَسُهُ يَنْفِرُ فَلَمَّا أَصْبَحَ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرَ ذَلِكَ لَهُ فَقَالَ: تِلْكَ السَّكِينَةُ تَنْزَلَتْ بِالْقُرْآنِ.

Maksudnya: Daripada al-Bara', katanya, "Dahulu, ada seorang lelaki yang membaca Surah al-Kafi. Di sebelahnya ada seekor kuda yang diikat dengan dua tali. Tiba-tiba, awan mega menyelubunginya dan ia menghampiri sedikit demi sedikit hingga menyebabkan kudanya melarikan diri. Keesokan paginya, dia mendatangi Nabi s.a.w. dan menceritakan hal itu kepada baginda. Maka, baginda pun bersabda, 'Itulah ketenangan yang turun kerana bacaan al-Quran.'"

SAHIH AL-BUKHARI (5011)

KELEBIHAN
Ahlul Quran

DI DUNIA

HADIS 18

AHLUL QURAN WAJAR DICEMBURUI

Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَا حَسَدَ إِلَّا فِي اثْنَتَيْنِ رَجُلٌ عَلَّمَهُ اللَّهُ الْقُرْآنَ فَهُوَ يَثْلُوهُ آتَاءَ اللَّيْلِ
وَآتَاءَ النَّهَارِ فَسَمِعَهُ جَارٌ لَهُ فَقَالَ لَيْتَنِي أُوتِيَتْ مِثْلَ مَا أُوتِيَ فَلَانٌ
فَعَمِلْتُ مِثْلَ مَا يَعْمَلُ، وَرَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ مَالًا فَهُوَ يُهْلِكُهُ فِي الْحَقِّ
فَقَالَ رَجُلٌ لَيْتَنِي أُوتِيَتْ مِثْلَ مَا أُوتِيَ فَلَانٌ فَعَمِلْتُ مِثْلَ مَا يَعْمَلُ

Maksudnya: ***“Tidak boleh berasa cemburu melainkan kepada dua orang iaitu (kepada) lelaki yang diajarkan pengetahuan tentang al-Quran oleh Allah, lalu dia membacanya pada waktu malam dan siang, sehingga ia didengari oleh jirannya seraya berkata, ‘Kalaulah aku dikurniakan seperti apa yang telah dikurniakan kepadanya si fulan, nescaya aku akan perbuat sebagaimana yang telah dia lakukan,’ dan (kepada) lelaki yang dikurniakan harta, lalu dia membelanjakannya di jalan yang benar,***

sehingga ada yang berkata, 'Kalaulah aku dikurniakan seperti apa yang telah dikurniakan kepadanya si fulan, nescaya aku akan perbuat sebagaimana yang telah dia lakukan,'"

SAHIH AL-BUKHARI (5026)

HADIS 19

AHLUL QURAN ADALAH WALI ALLAH

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ لِلَّهِ أَهْلِيْنَ مِنَ النَّاسِ. قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ مَنْ هُمْ. قَالَ: هُمْ أَهْلُ الْقُرْآنِ أَهْلُ اللَّهِ وَخَاصَّتُهُ.

Maksudnya: Daripada Anas bin Malik, katanya, “Rasulullah s.a.w. telah bersabda, **‘Sesungguhnya, Allah mempunyai wali-wali dan kekasih-kekasih dalam kalangan manusia.’**”

Para sahabat bertanya, ‘Wahai Rasulullah, siapakah mereka?’ Baginda menjawab, ‘Mereka adalah orang-orang yang menghafal al-Quran dan mengamalkan isi kandungannya. Merekalah pengikut Allah yang sejati dan wali-wali-Nya.’”

Sunan Ibn Majah (215)¹³

¹³ Asy-Syaikh al-Albani menilai hadis ini sebagai Sahih di dalam Sahih Ibn Majah (179).

HADIS 20

KEMULIAAN AHLUL QURAN TERMASUK DALAM TANDA-TANDA KEAGUNGAN ALLAH

Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِنَّ مِنْ إِجْلَالِ اللَّهِ إِكْرَامَ ذِي الشَّيْبَةِ الْمُسْلِمِ وَحَامِلِ الْقُرْآنِ غَيْرِ
الْغَالِي فِيهِ وَالْجَافِي عَنْهُ وَإِكْرَامَ ذِي السُّلْطَانِ الْمُفْسِطِ

Maksudnya: ***“Sesungguhnya, termasuk dalam keagungan Allah ialah dimuliakannya Muslim yang telah beruban (warga emas) dan para penghafal al-Quran yang tidak bersikap melampaui batas (dalam memabacanya dan memahaminya secara menyeleweng) serta tidak juga menjauhkan diri daripadanya, dan penguasa yang adil.***

SUNAN ABI DAUD (4843)¹⁴

¹⁴ Hadis ini dinilai sebagai Hasan oleh al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani Hidayah ar-Ruwah (4/426) dan asy-Syaikh al-Albani di dalam Sahih Abi Daud (4843).

KELEBIHAN
al-Quran
& *Ahlinya*

PADA HARI QIYAMAT

HADIS 21

AL-QURAN MENJADI SAKSI KEPADA AHLINYA PADA HARI QIYAMAT

Rasulullah s.a.w. bersabda:

يُؤْتَى بِالْقُرْآنِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَأَهْلِيهِ الَّذِينَ كَانُوا يَعْمَلُونَ بِهِ تَقْدُمُهُ
سُورَةُ الْبَقَرَةِ وَالْأَمْرَانِ

Maksudnya: ***“Akan didatangkan al-Quran bersama-sama dengan orang-orang yang dahulu sering membacanya, beriman dengannya dan mengamalkan isi kandungannya dan ia akan didahului dengan Surah al-Baqarah dan Surah Aali ‘Imran. “***

SAHIH MUSLIM (805)

HADIS 22

AL-QURAN AKAN MEMBELA AHLUL QURAN¹⁵

الْظُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ تَمْلَأُ الْمِيزَانَ. وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ تَمْلَأَنِ - أَوْ تَمْلَأُ - مَا بَيْنَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالصَّلَاةُ نُورٌ وَالصَّدَقَةُ بُرْهَانٌ وَالصَّبْرُ ضِيَاءٌ وَالْقُرْآنُ حُجَّةٌ لَكَ أَوْ عَلَيْكَ كُلُّ النَّاسِ يَغْدُو فَبَائِعٌ نَفْسَهُ فَمُعْتِقُهَا أَوْ مُوبِقُهَا.

Maksudnya: ***“Kesucian adalah separuh daripada iman, ucapan ‘Alhamdulillah’ (segala puji bagi Allah) memenuhi timbangan (amal soleh). Ucapan ‘Subhan Allah’ (Maha Suci Allah) dan ‘Alhamdulillah’ (segala puji bagi Allah) pula memenuhi ruang yang ada antara sekalian langit dan bumi.***

Solat adalah cahaya (petunjuk). Sedekah adalah bukti (keimanan). Kesabaran adalah cahaya yang menerangi (jiwa). Dan al-Quran adalah

¹⁵ Iaitu orang yang menghafal al-Quran, melazimi bacaannya dan mengamalkan isi kandungannya.

hujah yang akan membelamu atau menentangmu.

Setiap orang berangkat pada awal pagi. Maka, ada yang menjual dirinya (untuk ketaatan atau kemaksiatan), sehingga dia berjaya membebaskan dirinya (daripada azab) atau (hawa nafsunya) akan membinasakannya.”

SAHIH MUSLIM (223)

HADIS 23

AL-QURAN MEMOHON SYAFA'AT BUAT AHLUL QURAN

اقْرءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ. اقْرءُوا الرَّهْرَآوِينَ الْبَقْرَةَ وَسُورَةَ آلِ عِمْرَانَ فَإِنَّهُمَا تَأْتِيَانِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ كَأَنَّهُمَا عَمَامَتَانِ أَوْ كَأَنَّهُمَا غَيَّيْتَانِ أَوْ كَأَنَّهُمَا فِرْقَانِ مِنْ طَيْرٍ صَوَافٍ تَحَاجَّانِ عَنِ أَصْحَابِهِمَا. اقْرءُوا سُورَةَ الْبَقْرَةِ فَإِنَّ أَخْذَهَا بَرَكَةٌ وَتَرْكُهَا حَسْرَةٌ وَلَا تَسْتَطِيعُهَا الْبَطَلَةُ.

Maksudnya: ***“Bacalah al-Quran kerana sesungguhnya ia akan datang pada Hari Qiyamat untuk memberikan syafaat kepada pembaca al-Quran yang mengamalkan isi kandungannya.***

Bacalah dua cahaya yang menerangi (iaitu) Surah al-Baqarah dan Surah Aali ‘Imran kerana sesungguhnya kedua-dua buah surah itu akan datang pada Hari Qiyamat seperti dua buah awan mega atau dua naungan atau dua kawan burung yang berbaris-baris untuk berhujah bagi

membela orang-orang yang membaca dan mengamalkan isi kandungannya.

Bacalah Surah al-Baqarah kerana padanya ada keberkatan, dan meninggalkannya adalah kerugian, dan sihir juga tidak mampu untuk menguasai orang yang membacanya.”

SAHIH MUSLIM (804)

HADIS 24

AL-QURAN AKAN MEMOHON KEBAIKAN BUAT AHLUL QURAN PADA HARI QIYAMAT

يَجِيءُ الْقُرْآنُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَيَقُولُ: يَا رَبِّ حَلِّهِ فَيَلْبَسَ تَاجَ الْكِرَامَةِ. ثُمَّ يَقُولُ: يَا رَبِّ زِدْهُ فَيَلْبَسَ حُلَّةَ الْكِرَامَةِ. ثُمَّ يَقُولُ: يَا رَبِّ ارْضَ عَنْهُ فَيَرْضَى عَنْهُ. فَيُقَالُ لَهُ: افْرَأْ وَأَرْقَ وَيَزَادُ بِكُلِّ آيَةٍ حَسَنَةً.

Maksudnya: *“(Pahala bacaan al-Quran) akan datang pada Hari Qiyamat (kepada orang yang suka membaca al-Quran dan mengamalkan isi kandungannya) seraya berkata, ‘Wahai Tuhan, hiaskanlah dia.’ Maka, dipakaikannya mahkota kemuliaan.*

Kemudian, pahala itu berkata lagi, ‘Tambahkanlah lagi untuknya.’ Maka, dipakaikannya pakaian kemuliaan.

Kemudian, pahala itu berkata lagi, ‘Wahai Tuhan, redhailah dia.’ Maka, dia pun diredhai (oleh

Allah) dan dikatakan kepadanya, ‘Bacalah dan naiklah, dan akan ditambahkan untukmu satu kebaikan bagi setiap ayat (yang kamu baca).’”

JAMI’ AT-TIRMIZI (2915)¹⁶

¹⁶ Selepas meriwayatkan hadis ini, al-Imam at-Tirmizi berkata, ***“Ini adalah Hadis Hasan Sahih.”***

HADIS 25

AHLUL QURAN AKAN MENENTUKAN SENDIRI KEDUDUKANNYA DI SYURGA MENGIKUT KADAR BACAANNYA

يُقَالُ يَغْنِي لِصَاحِبِ الْقُرْآنِ إِفْرَأُ وَارْتَقِ وَرَتَّلْ كَمَا كُنْتَ تُرَتِّلُ فِي الدُّنْيَا فَإِنَّ مَنْزِلَتَكَ عِنْدَ آخِرِ آيَةٍ تَقْرَأُ بِهَا.

Maksudnya: *“Akan dikatakan kepada orang yang menghafal al-Quran dan mengamalkan isi kandungannya, ‘Bacalah (al-Quran) dan menaiklah. Bacalah dengan tenang sebagaimana yang biasa engkau baca di dunia dahulu, kerana sesungguhnya kedudukanmu terletak pada akhir ayat yang engkau baca.’”*

JAMI' AT-TIRMIZI (2914)¹⁷

¹⁷ Selepas meriwayatkan hadis ini, al-Imam at-Tirmizi berkata, *“Ini adalah Hadis Hasan Sahih.”*